



**DR. MAHATHIR Mohamad bertemu Suharto ketika melawat bekas Presiden Indonesia itu di kediamannya di Jakarta, semalam.**

**- AP**

# Dr. Mahathir bertemu Suharto

*Um - 4/5/2006*

**Daripada SOPHA SULAIMAN**

**JAKARTA 3 Mei** - Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi bekas Presiden Suharto di kediamannya di Jalan Cendana, di sini.

Menurut Dr. Mahathir, tidak ada isu dibincangkan dalam pertemuan itu kerana beliau dan Suharto merupakan rakan sejak sekian lama.

"Isunya, kami kawan lama, semasa saya menjadi Perdana Menteri Malaysia, Suharto sudah pun menjawat jawatan Presiden Indonesia," katanya kepada pem-

berita selepas menghadiri Kongres Pembangunan Sumber Manusia Asia di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC) di sini.

Menurutnya, beliau dan Suharto saling kunjung mengunjungi dan setiap tahun mengadakan pertemuan dalam pelbagai persidangan.

"Kalau pun ada perbezaan pendapat di Indonesia sekarang, rakan tetap rakan kerana kami telah membina persahabatan yang lama," kata Dr. Mahathir.

Ditanya tentang kesihatan rakkannya itu, Dr. Mahathir berkata, Suharto masih sihat dan hanya sukar untuk bercakap.

**- Utusan**